



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

TINJAUAN YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

KUALA LUMPUR, 20 Disember – YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyantuni mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

Berdasarkan kepada **Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2.0** pada **20 Disember 2021 jam 12.30** tengahari, sebanyak **400** buah PPS telah dibuka di seluruh Malaysia yang melibatkan lapan (8) negeri iaitu Selangor (87 PPS), Pahang (250 PPS), Kelantan (40 PPS), Melaka (9 PPS), Negeri Sembilan (9 PPS), Terengganu (4 PPS), Perak (3 PPS) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3 PPS). Secara keseluruhan, seramai **49,863** mangsa terlibat dalam bencana ini dengan **14,495** jumlah keluarga yang terkesan. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, seramai **534** mangsa yang terlibat dengan jumlah **150** keluarga yang terkesan.

Semasa lawatan ini, YB Datuk Seri Rina Mohd Harun turut mengingatkan mangsa dan petugas JKM untuk mematuhi *Standard Operation Prosedure* (SOP) serta mengamalkan norma baharu seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). YB Menteri turut menyeru orang ramai yang terlibat

dalam bencana banjir ini untuk berpindah ke tempat yang selamat seperti mana arahan pihak berkuasa.

Dalam usaha untuk membantu meringankan beban dan kesan mangsa banjir ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mengalu-alukan sumbangan daripada Syarikat Korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana individu. Sumbangan berbentuk barangan boleh diserahkan kepada Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, manakala bagi sumbangan berbentuk tunai boleh disalurkan melalui Yayasan Kebajikan Negara seperti berikut:-

No. Akaun 160140010004801
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia
Alliance Islamic Bank Berhad

Setiap sumbangan wang tunai akan dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Untuk sebarang pertanyaan berhubung sumbangan ini, pihak penyumbang boleh menghubungi Bilik Gerakan JKM di talian 03-83231996 atau Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam.

###

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat

No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, PUTRAJAYA

20 Disember 2021